



PENILAIAN OUTCOME PROJEK KLUSTER TANAMAN MANGGA HARUMANIS NEGERI PERLIS


KANDUNGAN

- 1 TUJUAN PENILAIAN**
- 2 LATAR BELAKANG**
- 3 PERUNTUKAN & PERBELANJAAN**
- 4 TERMA RUJUKAN**
- 5 PROFIL RESPONDEN**
- 6 PEMBENTUKAN INDIKATOR PENCAPAIAN**
- 7 ANALISIS PENILAIAN**
- 8 PEMERHATIAN DAN KEPUTUSAN**
- 9 ISU MASALAH & SYOR/CADANGAN**
- 10 RUMUSAN**
- 11 GAMBAR-GAMBAR PROJEK/PENILAIAN**

1. TUJUAN PENILAIAN

- Menilai sama ada dasar atau objektif program telah dicapai.
- Mendapat keputusan dalam menyediakan cadangan dasar/polisi program untuk penambahbaikan

2. LATAR BELAKANG



Pelaksanaan Projek Kluster Tanaman Mangga Harumanis adalah berkonsepkan pembangunan insitu berteraskan bisnes model pakej amalan buah-buahan yang melibatkan pembangunan kawasan secara menyeluruh.

BISNES MODEL : PAKEJ AMALAN TEKNOLOGI BUAH-BUAHAN (MANGGA HARUMANIS) PERLIS



PENGELUARAN

PROJEK SOKONGAN:

1. Latihan Petani
2. Skim Pensijilan Kualiti & Keselamatan Makanan
3. Khidmat Kepakaran Teknikal
4. Pengawalan Perosak Tanaman Pertanian
5. Pembangunan Pusat Pengembangan Teknologi (PPTP)
6. Pembangunan Teknologi Hijau
7. Perkhidmatan Regulatori dan Penguatkuasaan Akta
8. Pemprosesan (Industri Asas Tani)



PASCA TUAI

1. Indeks kematangan
2. Pembersihan & rawatan
3. Penggredan, Pembungkusan & Perlabelan (3P)



PEMASARAN



PRODUK IAT



PEMPROSESAN



PEMASARAN

PASARAN DOMESTIK

1. Produk segar
2. Pemprosesan minima

EKSPORT

1. Rawatan Kuarantin
2. E-CERT



3. PERUNTUKAN & PERBELANJAAN

TAHUN	PERUNTUKAN	BELANJA
2011	RM 100,000	RM 100,000
2012	RM 250,000	RM 249,998
<i>JUMLAH</i>	RM 350,000	RM 349,998

4. TERMA RUJUKAN

A. SKOP PENILAIAN

Penilaian ini hanya melibatkan pengusaha tanaman Mangga Harumanis di Negeri Perlis yang mendapat khidmat pengembangan dan mendaftar di bawah Jabatan Pertanian sahaja.

B. METODOLOGI PENILAIAN

1. DATA PRIMER

- Diperolehi melalui temubual dan tinjauan ke ladang pengusaha Projek Mangga Harumanis.
- Kumpulan penilai dibahagikan kepada 6 kawasan pengembangan negeri Perlis yang merangkumi kawasan:

PERLIS 1	PERLIS 2
Titi Tinggi	Bintong
Mata Ayer	Berseri
Padang Siding	Paya

- Penilaian telah dijalankan pada bulan Mei 2013.

2. DATA SEKUNDER

- Laporan kemajuan prestasi Projek Mangga Harumanis Negeri Perlis dari AgriS Geoportal Jabatan Pertanian
- Laporan Projek Terperinci Peruntukan Pembangunan Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia.

3. RESPONDEN


- Penilaian melibatkan seramai 49 orang (61%) peserta daripada 80 orang pengusaha projek Mangga Harumanis di Negeri Perlis pada tahun 2012.

4. ANALISA DATA

- Data-data yang diperolehi dianalisis melalui perisian *Statistical Package for the Social Science* ver.18 (SPSS) menggunakan kaedah statistik perihalan dengan tumpuan diberikan kepada penggunaan frekuensi asas dan frekuensi bersilang.

5. PROFIL RESPONDEN

I. JULAT UMUR PENGUSAHA




Purata umur pengusaha yang telah ditemubual adalah 54 tahun dengan pengusaha termuda berusia 19 tahun dan paling berusia berumur 79 tahun.

Kumpulan julat umur 51-60 tahun pula merupakan kumpulan majoriti manakala golongan belia (40 tahun & kebawah) kurang mencebur perusahaan ini.

5. PROFIL RESPONDEN (sambungan)

KATEGORI & TEMPOH PERUSAHAAN

II. KATEGORI PERUSAHAAN RESPONDEN



III. TEMPOH PERUSAHAAN OLEH RESPONDEN



- Daripada jumlah keseluruhan pengusaha, 81% menjalankan projek secara sepenuh masa dan bakinya menjadikan projek ini sebagai pendapatan sampingan dengan pekerjaan utama mereka samada sebagai pemandu teksi, pekerja binaan dan penjawat awam.
- Bagi tempoh perusahaan pula di dapati 65% pengusaha telah mengusahakan projek sekurang-kurangnya 3 tahun & lebih manakala hanya 35% sahaja (17 orang) mengusahakan projek kurang dari 3 tahun.


6. PEMBENTUKAN INDIKATOR PENCAPAIAN

KEMENTERIAN / AGENSI	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA			
KRA	PENINGKATAN SUMBANGAN SUB SEKTOR AGRO-MAKANAN KEPADA KDNK			
PROGRAM / PROJEK	PAKEJ AMALAN TEKNOLOGI BUAH-BUAHAN			
KPI	1. X % PENINGKATAN PRODUKTIVITI SETAHUN 2. 70% PENGUSAHA MENGAMALKAN TEKNOLOGI YANG DISYORKAN/APB 3. X % PENINGKATAN PENDAPATAN PESERTA			
OBJEKTIF	INDIKATOR PENCAPAIAN			
	OUTPUT	SEBENAR	OUTCOME	SEBENAR
SASARAN	SASARAN	SEBENAR	SASARAN	SEBENAR
1. Memindahkan teknologi Amalan Pertanian Baik kepada pengusaha buah-buahan	Jumlah pengeluaran: 252 Mt/Tahun Bilangan lawatan pengembangan yang diterima oleh 1petani/bulan :2kali Peratus pengusaha yang menerima khidmat pengembangan: 70% peserta/tahun Bilangan petani yang berpendapatan >RM1,000/bulan: 10 orang	Jumlah pengeluaran: 272 Mt/Tahun Bilangan lawatan pengembangan yang diterima oleh 1petani/bulan :65% petani menerima lawatan mengikut sasaran Peratus pengusaha yang menerima khidmat pengembangan: 86% peserta/tahun Bilangan petani yang berpendapatan >RM1,000/bulan: 14 orang	<i>Tiada Sasaran</i> 70% pengusaha mengamalkan teknologi yang disyorkan/APB <i>Tiada Sasaran</i>	Peningkatan produktiviti setahun: 26% Pengusaha mengamalkan teknologi yang disyorkan/APB:55% Peningkatan pendapatan bersih pengusaha: -23%

7. ANALISIS PENILAIAN

OUTPUT 1: JUMLAH PENGELUARAN

IV. JUMLAH PENGELUARAN KESELURUHAN (KG)




- Pada tahun 2012, jumlah pengeluaran hasil mangga Harumanis bagi keseluruhan Negeri Perlis telah melepas sasaran sebanyak 8%.
- Penurunan hasil pada tahun 2012 disebabkan bilangan petani serta luas berhasil yang semakin berkurang.
- Dengan nilai pelaburan sebanyak RM 350 ribu, telah berjaya menghasilkan 621 metrik tan pengeluaran yang bernilai RM 4.38 juta.
- Ini bermakna setiap RM 1 yang dilaburkan kerajaan memberi pulangan sebanyak 2kg/RM 13 nilai hasil.

7. ANALISIS PENILAIAN

OUTPUT 2: LAWATAN PENGEMBANGAN

V. KEKERAPAN LAWATAN OLEH APK




- Berdasarkan temubual bersama pengusaha, di dapati bahawa hanya 65% responden sahaja telah menerima lawatan oleh APK ke projek.
- Ini menunjukkan bahawa sasaran sebanyak 70% responden menerima lawatan dua mingguan masih belum dapat dicapai.

7. ANALISIS PENILAIAN

OUTPUT 3: PENGUSAHA YANG MENERIMA KHIDMAT PENGEMBANGAN

VI. PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN OLEH JABATAN




- Secara puratanya, 86% responden menyatakan bahawa mereka pernah menerima perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Jabatan bagi lima perkhidmatan di atas.

7. ANALISIS PENILAIAN

OUTPUT 4: PENDAPATAN PENGUSAHA

VII. JUMLAH PENDAPATAN PENGUSAHA




* Nilai peratusan telah dibundarkan.

- Secara keseluruhan pada tahun 2012, purata pendapatan bersih pengusaha adalah sebanyak RM668 dengan bilangan pengusaha seramai 80 orang
- Dari jumlah tersebut, 14 orang pengusaha telah berjaya memperolehi pendapatan RM 1,000 dan ke atas sebulan (18%).
- Projek kluster ini telah berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu sekurang-kurang 15% pengusaha memperolehi pendapatan RM 1,000 dan ke atas.

7. ANALISIS PENILAIAN

OUTCOME 1: PRODUKTIVITI TANAMAN

VII. PENINGKATAN PRODUKTIVITI




- Walaupun terdapat peningkatan produktiviti tanaman sebanyak 26%, namun hasil pengeluaran berkurangan dari 349 tan (2011) kepada 272 tan (2012) disebabkan luas berhasil yang berkurang dari 81ha kepada 50ha.
- Pada tahun 2012, projek kluster ini hanya mencapai 5 tan/ha berbanding potensi hasil tanaman mangga harumanis di Negeri Perlis iaitu 15tan/ha.

7. ANALISIS PENILAIAN

OUTCOME 2 : PENGUSAHA MENGAMALKAN TEKNOLOGI YANG DISYORKAN/APB

VII. PENGAMALAN TEKNOLOGI OLEH PENGUSAHA




Kebanyakan petani yang tidak mengamalkan GAP disebabkan tidak mempunyai masa untuk melaksanakan perkara yang dituntut dalam pengamalan GAP di samping ada pengusaha yang mendakwa mereka tidak mengisi rekod ladang disebabkan buta huruf.

Berdasarkan 8 kriteria utama didalam Amalan Pertanian Baik (APB) yang telah dinilai, didapati bahawa pengusaha masih belum mencapai sasaran sekurang-kurangnya 70% mengamalkan Amalan Pertanian Baik ini.

7. ANALISIS PENILAIAN

OUTCOME 3: MENINGKATKAN PENDAPATAN

VII. PURATA PENDAPATAN PENGUSAHA



Berdasarkan pengeluaran hasil pengusaha tanaman mangga harumanis pada tahun 2011 dan 2012, terdapat **penurunan** purata pendapatan bersih pada tahun 2012 sebanyak **23% (RM 198)**

8. PEMERHATIAN DAN KEPUTUSAN

- Projek ini dilihat **MASIH BELUM** mencapai outcome yang diinginkan berdasarkan penilaian yang dijalankan.
- Beberapa faktor telah dikenalpasti diantaranya adalah pengurusan projek gagal meletakkan sasaran yang realistik disamping sistem dokumentasi yang tidak sistematik.
- Selain itu, majoriti pengusaha yang sudah berumur merupakan faktor pembangunan projek ini bergerak perlahan.
- Namun begitu, konsep bisnes model yang diperkenalkan telah diterapkan ke dalam projek ini dalam tempoh masa yang singkat walaupun masih terdapat beberapa perkara yang masih perlu di tambahbaik.

9. ISU/MASALAH & SYOR CADANGAN

Isu/Masalah	Bilangan Responden	Implikasi	Syor/Cadangan
i. SERANGAN PENYAKIT DAN PEROSAK	36% (13 orang)	Kerugian kepada peserta	Memperkemaskan skop khidmat nasihat berkaitan isu/masalah yang dihadapi termasuk penyakit/perosak yang berpotensi serta mengamalkan sepenuhnya APB yang telah disyorkan oleh Jabatan
ii. MASALAH INFRASTUKTUR	36% (13 orang)	Kerja-kerja tidak dapat dijalankan secara optimum	Pengusaha dan pihak pengurusan projek perlu membuat penyelenggaraan infrastruktur secara berjadual disamping melengkapkan infrastruktur yang dianggap kritikal.
iii. KEKURANGAN BAHAN INPUT	27.8% (10 orang)	Kerja-kerja tidak dapat dijalankan secara optimum	Meneruskan bantuan input & peralatan pertanian kepada ladang yang sedia ada jika pengusaha mempunyai komitmen yang baik.
iv. KURANG PENGETAHUAN DALAM BIDANG USAHA	16.7% (6 orang)	Kualiti dan Kuantiti Hasil Terjejas	Mengadakan kursus lanjutan berkenaan tanaman mangga harumanis dan menambahbaik kursus sediada
v. Kecurian hasil ladang	13 % (85orang)	Kerugian kepada peserta	Melaksanakan kawalan keselamatan di kebun.

10. WAY FORWARD

- Pihak pengurusan projek perlu melaksanakan strategi penambahbaikan yang disyorkan bagi memantapkan pelaksanaan projek khususnya dalam meningkatkan produktiviti dan pengeluaran Mangga Harumanis yang berkualiti.
- Bahagian Hortikultur Ibu Pejabat perlu lebih proaktif dalam penyelarasan kembali projek kluster ini bermula dengan pembinaan kerangka keberhasilan yang lebih realistik serta memantau sistem dokumentasi data dari masa ke semasa.

11. GAMBAR-GAMBAR PROJEK/PENILAIAN

Pendekatan Bisnes Model Di Dalam Pelaksanaan Projek

PENGELUARAN HASIL



11. GAMBAR-GAMBAR PROJEK/PENILAIAN

Pendekatan Bisnes Model Di Dalam Pelaksanaan Projek

PASCA TUAI



11. GAMBAR-GAMBAR PROJEK/PENILAIAN

Pendekatan Bisnes Model Di Dalam Pelaksanaan Projek

PEMPROSESAN



11. GAMBAR-GAMBAR PROJEK/PENILAIAN

Pendekatan Bisnes Model Di Dalam Pelaksanaan Projek

PEMASARAN



DOMESTIK



EKSPORT

11. GAMBAR-GAMBAR PROJEK/PENILAIAN



11. GAMBAR-GAMBAR PROJEK/PENILAIAN





**TERIMA
KASIH**